



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1985

---

GARISPANDUAN MENGENAI PERLANTIKAN DAN PERANAN PEGAWAI KERAJAAN SEBAGAI PENERUSI, KETUA EKSEKUTIF DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH PERBADANAN AWAM, SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT KEPENTINGAN KERAJAAN

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan di atas garispanduan mengenai perlantikan dan peranan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, termasuk Angkatan Tentera dan Pasukan Polis, sebagai penerusi, ketua eksekutif dan ahli lembaga pengarah dalam perbadanan awam, syarikat-syarikat Kerajaan dan syarikat-syarikat kepentingan Kerajaan.

2. TAKRIF

2.1 Bagi tujuan pekeling ini, takrif perbadanan awam, syarikat Kerajaan dan syarikat-syarikat kepentingan Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) *Perbadanan Awam* adalah ditakrifkan sebagai Perbadanan yang ditubuhkan mengikut kuasa Akta Parlimen atau Enakmen yang khusus dan dikenali sebagai Badan Berkanun (Statutory Body) atau Perbadanan Awam (Public Corporation);
- (ii) *Syarikat Kerajaan* adalah syarikat yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat-syarikat 1965 (Akta 125) dan di mana Kerajaan mempunyai 51% atau lebih ekuiti syarikat tersebut;
- (iii) *Syarikat-syarikat kepentingan Kerajaan* adalah ditakrifkan sebagai syarikat di mana Kerajaan mempunyai pelaburan ekuiti dan di mana kepentingan Kerajaan perlu dipelihara, walaupun Kerajaan mempunyai ekuiti kurang daripada 51%.

2.2 Dalam perenggan-perenggan berikut, “perbadanan awam”, “syarikat Kerajaan” dan “syarikat-syarikat kepentingan Kerajaan” adalah disebutkan sebagai “badan-badan tersebut”.

### 3. PERLANTIKAN WAKIL KERAJAAN

3.1 Perlantikan pegawai-pegawai awam dalam lembaga pengarah badan-badan tersebut adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah dihadkan di kalangan pegawai-pegawai dalam Kementerian/Jabatan yang mengawasi badan-badan tersebut. Perlantikan itu boleh dibuat sama ada di atas jawatan atau peribadi (personal capacity) mengikut peruntukan di dalam undang-undang yang memperbadankan badan-badan tersebut;
- (b) pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk memberi sumbangan kepada pengurusan badan-badan tersebut;
- (c) pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah mempunyai kemampuan untuk membuat keputusan setelah menimbangkan aspek sosio-ekonomi dan keuntungan bagi badan-badan tersebut;
- (d) pegawai-pegawai boleh dilantik dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat induk dan juga anak-anak syarikat; seseorang pegawai itu boleh menganggotai lima (5) lembaga pengarah syarikat induk dan tidak boleh lebih daripada tiga (3) lembaga pengarah anak-anak syarikat;
- (e) pegawai-pegawai yang dilantik dalam lembaga pengarah badan-badan tersebut hendaklah mendapat persetujuan secara bertulis daripada Ketua Jabatannya terlebih dahulu; dan
- (f) pihak berkuasa yang melantik berhak menamatkan tempoh perkhidmatan pegawai-pegawai berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

3.2 Syarat-syarat seperti di perenggan 3.1 (d) di atas adalah dikecualikan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam badan-badan tersebut.

### 4. PERANAN WAKIL KERAJAAN

4.1 Pegawai-pegawai yang dilantik mewakili Kerajaan dalam lembaga-lembaga pengarah badan-badan tersebut adalah bertanggungjawab memastikan bahawa dasar-dasar am Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru dan objektif korporat hendaklah dilaksanakan oleh badan-badan tersebut.

4.2 Pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah melaporkan segala aktiviti badan-badan tersebut kepada Kementerian yang mengawasi badan-badan itu setiap kali selepas mesyuarat lembaga pengarah. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai berkenaan hendaklah menyediakan laporan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali berhubung dengan perjalanan badan-badan tersebut.

## 5. PEKELILING-PEKELILING YANG BERKAITAN

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982, khususnya perenggan 4.1 (b) yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan tidak boleh menjadi ahli lembaga pengarah atas nama persendirian (private capacity) bagi mana-mana syarikat.

5.2 Pegawai-pegawai yang dilantik mengikut perenggan 3 dalam pekeling perkhidmatan ini boleh menerima bayaran elaun-elaun dan pampasan mengikut syarat-syarat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1978.

## 6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

*9hb Mac, 1985*

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan  
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

s.k.

Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan

Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan Awam Persekutuan dan Negeri